

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November, 1989

AOP 400 - Perkembangan Organisasi

Masa : [3 Jam]

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawap mana-mana **LIMA** soalan.

1. Perkembangan Organisasi (Organisation Development) ialah satu ciri dalam bidang perundingan pengurusan. Jelaskan langkah-langkah yang harus diambil oleh pelanggan dan pakar perunding untuk memastikan perjalanan dan perlaksanaan program O.D. yang berkesan dapat dicapai dalam sesebuah syarikat.

[20 markah]

2. Ada beberapa jenis intervensi O.D. yang boleh diperkenalkan dalam situasi di mana Program O.D. berfokus kepada individu di mana penekanan ialah kepada isu-isu tugasnya.

Pilih dua dari jenis inventori yang boleh digunakan dan bincangkan kaedah-kaedah dan masalah-masalah yang mungkin timbul jika intervensi-intervensi ini dilaksanakan.

[20 markah]

3. Kenapakah pembangunan pasukan kerja (teambuilding) amat penting dalam program O.D.? Dan bincangkan kaedah-kaedah O.D. yang boleh digunakan untuk melaksanakan matlamat ini.

[20 markah]

...2/-

4. Bincangkan faktor-faktor yang harus wujud untuk memastikan kejayaan pengenalan (introduction) dan pelaksanaan (implementation) program O.D. yang optima.

[20 markah]

5. Bincangkan ciri-ciri (characteristics) anggapan (assumptions) dan nilai-nilai (values) yang dipegang oleh pakar-pakar O.D. mengenai organisasi dan ahli-ahlinya.

[20 markah]

6. Bincangkan secara terperinci peranan yang dimainkan oleh tiap-tiap satu elemen yang disenaraikan di bawah dalam proses O.D.

- i) Agen perubahan (change agent)
- ii) Pengurus-pengurus Atasan dalam organisasi
- iii) Kebudayaan Organisasi
- iv) Pakar Perunding
- v) Penyelidikan sebelum bertindak (Action Research)

[20 markah]

7. Apabila perubahan diperkenalkan dalam sesebuah organisasi ia mungkin menimbulkan dua reaksi dan para pekerjanya.

- i) Reaksi yang jenis positif terhadap perubahan-perubahan itu.
- ii) Reaksi yang jenis negatif terhadap perubahan-perubahan itu.

Bincangkan kenyataan di atas dan sokong pendapat anda dengan contoh-contoh.

[20 markah]

---oooo000oooo---